

## 40 siswa UMT bakar semangat warga desa

### KAMPUNG CHE WAN

Golongan pelajar di luar bandar perlu diberi pendedahan mengenai kepentingan menuntut ilmu hingga ke menara gading bagi memastikan mereka mampu menjadi insan cemerlang pada masa depan.

Bersandarkan pada harapan itu, kehadiran 40 siswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di kampung ini sempena program Siswa Masuk Desa selama tiga hari bermula 6 Mei ini dijangka akan memberi fokus terhadap usaha menyuntik semangat generasi muda mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Che Wan, Che Wan Zawawi Che Wan Jusoh, berkata seramai 20 keluarga penduduk kampung akan menerima anak angkat daripada kalangan siswa terbabit.

“Setiap keluarga akan menerima dua anak angkat. Saya difahamkan rombongan terdiri daripada 9 siswa dan 31 siswi,”katanya.

Kata Che Wan Zawawi, generasi pelajar harus mengambil peluang untuk bertukar pandangan dan menimba pengalaman warga menara gading itu dengan harapan akan merangsang minat dan semangat mereka untuk lebih bersungguh-sungguh mengejar peluang melanjutkan pelajaran.

“Pelbagai aktiviti telah diatur seperti kem motivasi, aktiviti gotong royong, malam kebudayaan dan kuliah agama,”ujarnya.

Kata Che Wan Zawawi, pihaknya mahu melihat perubahan sikap golongan pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh bagi memastikan lebih ramai golongan bijak pandai dapat dilahirkan dalam kalangan penduduk kampung ini.

SH 03/05/08 Pg-T9